

28 OCT 1998

RAKYAT SELANGOR DIMINTA JANGAN SERTAI DEMONSTRASI

SHAH ALAM, 28 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar meminta rakyat Selangor supaya tidak menyertai perhimpunan haram atau demonstrasi yang dianjurkan oleh gerakan reformasi yang dicetuskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata rakyat Selangor harus mengambil langkah bijak dengan menolak tindakan para penyokong Anwar yang menggunakan masjid untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah.

"Kejadian rusuhan akibat demonstrasi amat mendukacitakan, saya harap rakyat akan sedar dan menolak gerakan yang tidak berfaedah itu," katanya pada sidang berita selepas menghadiri majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perbarisan dan Landskap di Kelab Shah Alam di sini hari ini.

Beliau juga menegaskan bahawa semua ketua bahagian Umno Selangor tetap perpegang pada ikrar yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa mereka akan mempertahankan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan menolak sebarang tindakan yang menentanginya.

-- BERNAMA

AZH NMO